



PROSIDING **KOLOKIUM** 2003

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Kedah,
Kampus Sungai Petani,
Peti Surat 187, 08400 Merbok,
Kedah Darul Aman, Malaysia

Tel: 04 4562000

Fax: 04 4562223

Laman Web: <http://www.kedah.uitm.edu.my>

KOLOKIUM 2003

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN KEDAH
KAMPUS SUNGAI PETANI

Pada:
17 April 2003

Tempat:
*Cinta Sayang Golf & Country Resort
Sungai Petani
Kedah Darul Aman*

Isi Kandungan

Kata-kata Aluan Naib Canselor Universiti Teknologi MARA	i
Kata-kata Aluan Pengarah Kampus, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah	ii
Kata-kata Aluan Pengerusi Jawatankuasa Kolokium 2003	iii
The Effects Of Production, Stock And Export Variables On The Prices Of The Malaysian Crude Palm Oil Futures Market <i>Dr. NIK MUHAMMAD NAZIMAN ABD RAHMAN</i>	1
Corak Perbelanjaan Wang Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN): Kajian Kes Di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Zon Utara (Kampus Bukit Mertajam, Kampus Sungai Petani Dan Kampus Arau) <i>NORMALA ISMAIL</i>	12
Comparison Of Students' Achievements In University Technology Mara (UiTM) English Examinations And Malaysian University English Test (MUET) <i>ALAUYAH JOHARI</i>	30
A Comparative Study Of The Marketing Strategies Adopted By The Conventional Insurers And Islamic Insurers. <i>MAZNAH WAN OMAR</i>	42
Adakah Kecemerlangan Pelajar Ditentukan Oleh Penguasaan Bahasa Inggeris? Satu Kajian Kes Di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Zon Utara (Kampus Sungai Petani, Kampus Bukit Mertajam Dan Kampus Arau) <i>NOOR SALIZA ZAINAL</i>	53
Currency Crisis And Stock Price Behavior : Evidence From The Kuala Lumpur Composite Index <i>ANUAR HAJI WAHAB</i>	69
Lampiran A : Aturcara Majlis Kolokium 2003	
Lampiran B: Ahli Jawatankuasa Kolokium 2003	

**ADAKAH KECEMERLANGAN PELAJAR DITENTUKAN OLEH
PENGUASAAN BAHASA INGGERIS? SATU KAJIAN KES DI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM) ZON UTARA
(KAMPUS SUNGAI PETANI, KAMPUS BUKIT MERTAJAM DAN
KAMPUS ARAU)**

NOOR SALIZA ZAINAL

*Pensyarah Pendidikan Islam
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani*

ZULKAFLI MOHD. YUSOF

*Pensyarah Pendidikan Islam
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani*

NORMALA ISMAIL

*Pensyarah Ekonomi
Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani*

ABSTRAK

Kecemerlangan akademik merupakan objektif utama bagi setiap pelajar dan ianya diukur melalui pencapaian keputusan peperiksaan setiap semester. Universiti Teknologi Mara (UiTM) menggunakan kaedah Himpunan Purata Gred Keseluruhan (HPGK) untuk mengukur prestasi akademik para pelajar dalam pembelajaran. Di samping itu UiTM telah menetapkan Bahasa Inggeris sebagai medium utama bagi seluruh sistem pengajian dan peperiksaan melibatkan semua fakulti dan kursus. Oleh itu prestasi HPGK seseorang pelajar di UiTM akan dipengaruhi oleh faktor bahasa pengantaraan tersebut iaitu Bahasa Inggeris. Kajian ini menguji sama ada jantina, kampus dan program pengajian membezakan pencapaian HPGK pelajar. Selain itu kajian menilai sejahteranaya Bahasa Inggeris memberi kesan kepada HPGK seseorang pelajar serta mengenalpasti aspek dalam penguasaan Bahasa Inggeris yang paling dominan mempengaruhi kecemerlangan di kalangan pelajar. Selanjutnya kajian juga mengukur sama ada tahap penggunaan Bahasa Inggeris, sikap, motivasi, pengajian dan cabaran mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Hasil kajian mendapati pencapaian HPGK didasari oleh program pengajian. Manakala faktor jantina dan kampus pula tidak dapat membezakan pencapaian tersebut. Seterusnya dapatkan kajian menunjukkan hanya aspek ulasan dalam penguasaan Bahasa Inggeris serta motivasi mempengaruhi secara signifikan pencapaian kecemerlangan akademik pelajar di UiTM Zon Utara.

PENGENALAN

Institusi pengajian tinggi tempatan sama ada awam atau swasta memainkan peranan penting untuk melahirkan graduan yang berkualiti dalam semua aspek seperti kecemerlangan akademik, ketrampilan diri, daya kepimpinan dan aktif dalam aktiviti kurikulum. Penghasilan generasi muda yang berjaya adalah perlu bagi memastikan kesinambungan wawasan negara dan cita-cita pelajar itu sendiri dalam membentuk halatuju negara pada masa akan datang.

Namun, sejak kebelakangan ini pelbagai isu berkaitan kelesuan dan kelemahan graduan telah ditimbulkan dalam media massa. Terdapat banyak punca yang menyumbang kepada kegagalan pelajar dalam mencapai kecemerlangan dan masalah ini memerlukan perhatian serius bagi mengelakkannya daripada berterusan.

Kini, cabaran utama yang dihadapi oleh institusi pengajian tinggi di Malaysia adalah untuk mengenalpasti punca-punca kegagalan pelajar untuk mencapai kecemerlangan, sebelum mengemukakan cadangan dan tindakan yang bersesuaian. Salah satu punca masalah yang telah dikenalpasti tetapi kurang diberi perhatian oleh pihak institusi mahu pun pelajar sendiri ialah tentang pengaruh penguasaan Bahasa Inggeris dalam menentukan kecemerlangan pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk :

- (a) Mengetahui sama ada faktor jantina, kampus dan program membezakan pencapaian Himpunan Purata Gred Keseluruhan pelajar UiTM.
- (b) Menentukan aspek manakah dalam penguasaan Bahasa Inggeris yang berperanan penting dalam kecemerlangan akademik pelajar UiTM.
- (c) Mengenalpasti sama ada wujud faktor-faktor lain yang mempengaruhi kecemerlangan akademik pelajar UiTM.
- (d) Menyediakan cadangan dan penyelesaian kepada masalah yang telah dikenalpasti.

DEFINISI PEMBOLEHUBAH DAN PENGUKURAN

Cemerlang

Cemerlang bagi seseorang pelajar didefinisikan sebagai keupayaan untuk mencapai suatu piawaian yang telah dipersetujui oleh pihak-pihak tertentu terhadap beberapa elemen penting secara seragam seperti prestasi akademik, ketrampilan diri, daya kepimpinan, aktif di dalam kegiatan kurikulum dan kepintaran berfikir serta pertuturan. Bagi tujuan penyelidikan ini, hanya cemerlang akademik akan digunakan dan diukur menerusi nilai Himpunan Purata Gred Keseluruhan (HPGK) atau *Cummulative Grade Point Average* (CGPA). Di dalam penyelidikan ini, cemerlang berfungsi sebagai satu pembolehubah bersandar yang akan dilihat pengaruhnya daripada set pembolehubah bebas seperti penguasaan Bahasa Inggeris, sikap dan motivasi.

Penguasaan Bahasa Inggeris

Penguasaan Bahasa Inggeris adalah gabungan ukuran kebolehan pelajar menerusi perbualan, penulisan, pemahaman, pendengaran, bacaan, ingatan, terjemahan serta ulasan dan soaljawab. Di dalam penyelidikan ini, penguasaan Bahasa Inggeris akan berperanan sebagai pembolehubah bebas yang mempengaruhi pembolehubah bersandar. Walau bagaimanapun, bagi penyelidikan ini penguasaan Bahasa Inggeris tidak ditentukan oleh pihak lain, sebaliknya ditentukan oleh pelajar itu sendiri.

Penggunaan Bahasa Inggeris

Penggunaan Bahasa Inggeris merupakan kombinasi penggunaan bahasa tersebut dalam kuliah, sumber bacaan, sumber rujukan dan perbualan harian. Faktor ini berfungsi sebagai pembolehubah bebas yang mempengaruhi pembolehubah bersandar. Tahap penggunaan bahasa ini akan dinilai oleh responden sendiri mengikut skala yang diberikan.

Sikap

Sikap adalah kombinasi daripada kepercayaan, tanggapan, penilaian dan sifat-sifat semulajadi yang menyebabkan seseorang pelajar bertindak dengan cara tertentu terhadap kecemerlangan (Gleitman 1986 : 372). Di dalam penyelidikan ini, sikap akan bertindak sebagai pembolehubah bebas yang mempengaruhi pembolehubah bersandar. Walau bagaimanapun, bagi kajian ini sikap hanya dinilai dari aspek tanggapan.

Motivasi

Motivasi ialah faktor-faktor yang memberi tenaga dan arah kepada tingkah laku. Seseorang pelajar yang bermotivasi akan terlibat secara lebih aktif dan lebih berkesan berbanding dengan pelajar yang tidak bermotivasi (Atkinson et al. 1983 : 283). Di dalam penyelidikan ini, motivasi akan bertindak sebagai pembolehubah bebas yang mempengaruhi pembolehubah bersandar. Bagi tujuan penyelidikan ini, motivasi dinilai dari segi tanggapan sahaja.

SKOP KAJIAN

Penyelidikan ini melibatkan para pelajar peringkat Diploma Semester Mei – Oktober 2002 dari Universiti Teknologi Mara (UiTM). Pemilihan pelajar adalah mengikut Zon Utara UiTM iaitu Kampus Sungai Petani (Kedah), Kampus Bukit Mertajam (Pulau Pinang) dan Kampus Arau (Perlis). Data dan maklumat penyelidikan adalah berdasarkan jawapan soalselidik yang diedarkan kepada pelajar-pelajar terlibat.

HIPOTESIS KAJIAN

Bagi tujuan kajian ini, sebanyak sebelas hipotesis telah dibentuk. Hipotesis-hipotesis tersebut adalah seperti berikut :-

- HIPOTESIS 1 : Tiada perbezaan di antara siswa dan siswi dalam pencapaian HPGK.
- HIPOTESIS 2 : Pencapaian HPGK adalah sama tanpa mengambilkira program pengajian pelajar.
- HIPOTESIS 3 : Pencapaian HPGK adalah sama tanpa mengambilkira kampus cawangan UiTM
- HIPOTESIS 4 : Penglibatan pelajar dalam aktiviti berbahasa Inggeris di UiTM adalah sama tanpa mengambilkira bahagian pengajian pelajar.
- HIPOTESIS 5 : Tiada perbezaan di kalangan pelajar bandar dan luar bandar dalam bacaan buku teks berbahasa Inggeris.
- HIPOTESIS 6 : Tiada perbezaan di antara kategori umur pelajar dalam penglibatan aktiviti berbahasa Inggeris di UiTM.
- HIPOTESIS 7 : Tiada perbezaan di antara kategori umur pelajar dalam perbualan berbahasa Inggeris dengan ahli keluarga.
- HIPOTESIS 8 : Penguasaan Bahasa Inggeris tidak dapat menjelaskan secara signifikan sisihan dalam kecemerlangan (HPGK).
- HIPOTESIS 9 : Penggunaan Bahasa Inggeris tidak dapat menjelaskan secara signifikan sisihan dalam kecemerlangan (HPGK).
- HIPOTESIS 10 : Tanggapan terhadap Bahasa Inggeris tidak dapat menjelaskan secara signifikan sisihan dalam kecemerlangan (HPGK).
- HIPOTESIS 11 : Penguasaan Bahasa Inggeris, Penggunaan Bahasa Inggeris dan Tanggapan tidak dapat menjelaskan secara signifikan sisihan dalam kecemerlangan (HPGK).

KAJIAN LEPAS

Terdapat beberapa penyelidikan luar negara yang relevan dengan tajuk kajian. Kajian pertama terhadap pelajar Tidak Mahir dan Mahir Terhad Bahasa Inggeris telah dijalankan di Amerika Syarikat pada 1978 di bawah kontrak Jabatan Pendidikan Negeri California. Dalam kajian ini, De Avila, Duncan dan Cervants (CABE Research Journal 1(2), 1978) telah menghipotesis wujud hubungan linear di antara lima tahap kemahiran (Tahap 1, Tahap 2, Tahap 3, Tahap 4 dan Tahap 5) Bahasa Inggeris lisan dengan prestasi akademik berdasarkan pengukuran CTBS-U. Hasil kajian menunjukkan kemahiran lisan Bahasa Inggeris merupakan penganggar yang signifikan terhadap prestasi akademik. Kajian ini mendapati para pelajar mencapai Tahap 4 dan 5 dalam ujian lisan telah berjaya dalam CTSB-U pada 36 peratus atau lebih. Dalam lain perkataan, kemahiran lisan Bahasa Inggeris telah dikenalpasti sebagai satu elemen penting bagi kejayaan. Seterusnya untuk menguji hubungan di antara prestasi akademik dengan celik (*literacy*) Bahasa Inggeris (bacaan dan tulisan), kajian pertama di atas telah dibuat semula pada

namun pengukurannya boleh diperbaiki lagi. Oleh itu dicadangkan dalam penyelidikan lain suatu ujian khusus atau temubual dijalankan bagi mengukur keupayaan tersebut.

PENUTUP

Berdasarkan kajian dan analisa yang dilakukan, didapati bahawa tahap penguasaan Bahasa Inggeris, tahap penggunaan Bahasa Inggeris dan sikap tidak mempengaruhi kecemerlangan akademik atau HPGK di kalangan pelajar UiTM Zon Utara. Sebaliknya, prestasi akademik para pelajar adalah dipengaruhi oleh faktor motivasi dan ulasan dalam Bahasa Inggeris. Oleh itu kedua-dua faktor ini mesti diberi pertimbangan sewajarnya oleh pengurusan UiTM bagi menjamin kecemerlangan akademik. Bagi mencapai matlamat ini, satu program motivasi yang tersusun dan berterusan serta persekitaran akademik yang kondusif mesti diwujudkan di setiap kampus UiTM. Seterusnya pendedahan tentang teknik ulasan, menjawab soalan, komentari dan dialog dalam Bahasa Inggeris mesti dipertingkatkan kepada para pelajar. Oleh itu disarankan supaya pengurusan UiTM memperbanyakkan program seperti debat, diskusi ilmiah dan pertandingan menulis esei Bahasa Inggeris bagi merealisasikan tujuan ini. Kesimpulannya kajian kecemerlangan pelajar khususnya di UiTM hendaklah sentiasa dilakukan kerana ia melibatkan masa depan generasi Bumiputera dan memenuhi wawasan Kerajaan Malaysia.

BIBLIOGRAFI

- Anderson, E., Koblinsky, S. 1993. Serving Homeless Children and Families in Head Start. *Children Today*. 33(3): 19-23
- Atkinson, Rita L., Atkinson, Richard C., Hilgard E. R. 1983. *Introduction to Psychology*. New York: Harcourt Brace Jovanovich: 283
- Buriel, Raymond., Perez, William. 1998. The Relationship of Language Brokering to Academic Performance. *Hispanic Journal of Behavioral Sciences*. August. Vol. 20. Issue 3: 283
- Coakes, Sheridan J., Steed, Lyndall G. 2001. *SPSS Analysis without Anguish*. John Wiley & Sons. Australia Ltd.
- Colin, C., Hymel, S. 1996. Academic Failure and School Dropout: The Influences of Peers. *Social Motivation*: 313-345
- De Avila, E., Cervantes, R., Duncan, S. 1978. *CABE Research Journal* 1(2)
- De Avila, E., Cervantes, R., Duncan, S. 1988. Language Assessment Scales. *Oral Technical Report*. CTB McGraw/Hill Monterey. CA
- De Avila, Edward. 1997. Setting Expected Gains for Non and Limited English Proficient Students. *NCBE Resource Collection Series No. 8*. November.
- Fasold, R. 1984. *The Sociolinguistics of Society*. New York: Basil Blackwell Inc.
- Gleitman, H. 1986. *Psychology*. New York: W.W. Norton and Company: 372
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1993. *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Bahasa Inggeris*. Kuala Lumpur: DBP.
- McLoyd, V.C. 1990. The Impact of Economic Hardship on Black Families and Children: Psychological Distress, parenting, and Socioemotional Development. *Children Development* 61: 311-346

Norusis, Marija J. 1998. *Guide to Data Analysis*. New Jersey: Prentice Hall

Sarah Abedi Abdullah, Naomi Sarah Lane. 1995. Forging a Freeway for English Across Disciplines the Experience of the PPP ITM A Level Programme. *The English Teacher* Vol. XXVI: 100 128

Shultz, Geoffry, F. 1993. Socioeconomic Advantage and Achievement Motivation: Important Mediators of Academic Performance in Minority Children in Urban Schools. *The Urban Review* 23(3): 221 231

William-savin, R., Berndt, T. 1990. Friendship and Peer Relations. *At the Threshold*: 277 307



Design&Concept > Jabatan Seni Reka Perindustrian
Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka, UiTM Kedah